



Kelas ini terbahagi kepada 3 kategori:

A. Kelas Pelajar Baharu

- Pelajar Pascasiswazah
- Pelajar Prasiswazah

B. Kelas Berjadual

- Kelas Mingguan
- Kelas Prasiswazah
- Kelas Pangkalan Data Langganan

C. Kelas Permohonan

- Kelas Fizikal/ Kelas Dalam Talian (minimum 5/ kumpulan)

Antara modul yang ditawarkan:

- Literature Search
- Advance Literature Search
- Managing References with Mendeley
- Similarity Checker with Turnitin
- Scholarly Publishing Guide
- Styling and Formatting with Microsoft Word

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Kelas Kemahiran Maklumat

Tel: 03-9769 4745 / Emel: psas_plm@upm.edu.my

8. TEMUJANJI BERSAMA PUSTAKAWAN

Pengguna perpustakaan boleh membuat temujanji melalui sistem [Appointment](#) untuk bersemuka dengan Pustakawan Penghubung bagi mendapatkan khidmat konsultasi berkaitan pencarian maklumat. Sesi temujanji ini dijalankan secara bersemuka dengan tempoh setiap sesi selama 30 minit.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Seksyen Pendidikan Pengguna

Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

☎ 03 9769 4745

☎ +6013 385 5880

✉ psas_pj@upm.edu.my

PENDIDIKAN JARAK JAUH



Perkhidmatan ini disediakan khusus untuk pelajar Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) bagi memenuhi keperluan maklumat pembelajaran, penyelidikan dan penulisan akademik mereka.

JENIS PERKHIDMATAN

1. PERKHIDMATAN PINJAMAN BUKU
2. PEMBAHARUAN PINJAMAN BUKU
3. TEMPAHAN BUKU
4. PERKHIDMATAN PENELITIAN MAKLUMAT
5. RUJUKAN KE PERPUSTAKAAN LAIN
6. PERKHIDMATAN PEMBEKALAN DOKUMEN
7. KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT
8. TEMUJANJI BERSAMA PUSTAKAWAN

1. PERKHIDMATAN PINJAMAN BUKU

A. Kelayakan Pinjaman

- Pelajar Ijazah Lanjutan (Master / PhD) : 20 naskhah / 30 hari
- Pelajar Ijazah (Pendidikan Jarak Jauh) : 10 naskhah / 30 hari
- Koleksi PJJ (Modul) boleh dipinjam mengikut kelayakan.

B. Pinjaman Melalui Pos

- Pelajar yang tinggal jauh dari kampus boleh membuat pinjaman melalui pos dengan mengisi [Borang Pinjaman Buku Melalui Pos](#).
- Penghantaran buku kepada pelajar adalah percuma, namun kos penghantaran bagi pemulangan buku akan ditanggung oleh peminjam.

C. Tempoh Pemulangan Buku

- Buku hendaklah dipulangkan pada tarikh yang tertera pada slip tarikh pemulangan dan pelajar juga perlu memulangkan buku segera jika diminta oleh Perpustakaan.

- Pihak perpustakaan akan menghantar notis bagi pinjaman yang melebihi tempoh, namun tidak bertanggungjawab sekiranya notis tersebut tidak diterima oleh pengguna.
- Pelajar dinasihatkan untuk memulangkan buku melalui pos sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum tarikh pemulangan.

D. Denda

- Pelajar yang mengembalikan buku selepas tempoh pinjaman akan dikenakan denda sebanyak RM0.20 sehari bagi setiap buku.

2. TEMPAHAN BUKU

Pelajar boleh membuat tempahan bagi buku yang sedang dipinjam oleh pengguna lain serta menyemak status pemulangan melalui [KOHA WebOPAC](#). Buku yang ditempah boleh diambil sendiri di perpustakaan atau dihantar melalui pos dengan bantuan Pustakawan PJJ.

3. PEMBAHARUAN PINJAMAN BUKU

Pelajar hanya boleh memperbaharui pinjaman buku secara dalam talian melalui sistem perpustakaan. Pembaharuan pinjaman adalah terhad kepada dua (2) kali sahaja

4. PERKHIDMATAN PENELITIAN MAKLUMAT

Perkhidmatan Penelitian Maklumat ialah perkhidmatan berbayar yang disediakan bagi membantu pengguna mendapatkan maklumat untuk tujuan penyelidikan, penulisan ilmiah, kertas kerja atau kerja kursus.

Perkhidmatan ini terbuka kepada pelajar, staf UPM serta pengguna luar. Maklumat diperolehi daripada pelbagai sumber elektronik seperti pangkalan data dalam talian dan internet.

Kadar Bayaran

Teks penuh : RM 30.00 (1-10 artikel)
: RM 50.00 (11-30 artikel maksima)

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:
Perkhidmatan Penelitian Maklumat
Tel: 03-9769 4796 / Emel: psas_ppm@upm.edu.my

5. RUJUKAN KE PERPUSTAKAAN LAIN

Pelajar perlu mempamerkan PUTRAVID untuk membuat rujukan di perpustakaan lain.

6. PERKHIDMATAN PEMBEKALAN DOKUMEN

Perkhidmatan Pembekalan Dokumen membolehkan pelajar memperoleh bahan yang tidak terdapat dalam koleksi perpustakaan melalui kerjasama perpustakaan dalam dan luar negara. Permohonan boleh dibuat melalui [OpenAthens](#).

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:
Perkhidmatan Pembekalan Dokumen
Tel: 03-9769 4792 / Emel: pap1@upm.edu.my

7. KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT

[Kelas Kemahiran Maklumat](#) merupakan program tunjuk ajar yang disediakan bagi membantu pengguna memanfaatkan kemudahan, perkhidmatan dan sumber maklumat yang disediakan oleh Perpustakaan dengan lebih efisien dan berkesan.